

ANALISIS TEKNIKAL SEBAGAI INSTRUMEN MENOLAK GHARAR DALAM PELABURAN PATUH SYARIAH

Azhan Taqiyaddin Arizan^{1*}, Nor Musfirah Mohammad¹
& Mazlan Mohd Ibrahim¹

¹ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Kolej Universiti Islam Perlis.

*Corresponding author: azhan@kuips.edu.my

Abstrak

E-JITU

Acceptence date:
20 January 2023

Valuation date:
1 March 2023

Publication date:
22 May 2023

Analisis teknikal adalah salah satu teknik yang digunakan dalam pasaran saham bagi melakukan analisis pergerakan harga saham. Setiap Pelabur Muslim seharusnya melabur dalam pasaran saham perlu yang mengikut tata cara syariah. Oleh itu, kajian ini lebih menjurus terhadap menolak gharar dengan cara penggunaan analisis teknikal sebagai sumber kajian dan membuat keputusan untuk berjual beli dalam pasaran saham menurut Syariat Islam. Kajian Ini menggunakan kaedah kualitatif secara kajian kepustakaan serta menganalisis data secara tematik dan komparatif terhadap konsep penggunaan analisis teknikal sebagai salah satu elemen yang penting kepada pelaburan saham patuh syariah bagi mengelak perkara yang tidak pasti (gharar). Hasil penelitian dari kajian ini mengetengahkan bahawa relevannya penggunaan analisis teknikal dalam pelaburan saham bagi setiap pelabur Muslim untuk membuat keputusan dan lebih berkeyakinan dalam urusniaga pelaburan saham tidak kira untung atau rugi pelaburan tersebut. Selain itu kajian ini juga mendapati bahawa elemen gharar ini menjadi aspek utama yang perlu dielakkan oleh pelabur Muslim bagi memenuhi pelaburan saham mengikut kehendak syariat Islam.

Kata kunci: Analisis Teknikal, pelaburan, yakin, membuat keputusan, gharar, syariah

TECHNICAL ANALYSIS AS AN INSTRUMENT TO AVOIDING GHARAR IN SYRIA COMPLIANT INVESTMENT

Abstract

Technical analysis is one of the techniques used in the stock market to analyse stock price movements. Every Muslim Investor should invest in the necessary

stock market that follows Sharia regulations. Therefore, this study is towards rejecting gharar by using technical analysis as a source of this research and making decisions to buy and sell in the stock market according to Islamic Sharia. This study uses qualitative methods as a literature review and analyses the data thematically and comparatively to the concept of using technical analysis as one of the important elements for investing in sharia-compliant stocks to avoid uncertain things (gharar). The research results from this study highlight the relevance method of technical analysis in stock investment for every Muslim investor to make decisions and be more confident in stock investment transactions regardless of the investment's profit or loss. In addition, this study also found that this element of gharar is the main aspect that must be avoided by Muslim investors in order to fulfil stock investment according to the requirements of Islamic Sharia.

Keywords: Technical analysis, investment, confident, decision making, gharar, sharia

PENGENALAN

Pasaran saham juga dikenali dengan istilah lain iaitu pasaran modal. Kepelbagaiannya pasaran modal menyebabkan pasaran saham Islam di Malaysia juga mampu mempunyai daya saing yang hebat antara pasaran saham yang lain. Sudah tentu saham syarikat yang didaftarkan dalam senarai Bursa mematuhi kriteria sebagai saham patuh syariah yang ditetapkan oleh suruhanjaya sekuriti Malaysia (SC). Dalam erti lain, pasaran saham Islam seharusnya mengaplikasikan perundangan Islam dalam urus niaga pasaran saham yang jelas aktivitinya dan bebas daripada unsur riba, perjudian, tidak pasti (*gharar*) dan kesamaran sebagai mana firman Allah SWT dalam surah Al- Baqarah ayat 275 :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَاَ

Terjemahan : “Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.”

Oleh itu sebagai seorang Pelabur Muslim pastinya akan memilih dan memastikan jual beli dijalankan dalam pasaran saham memenuhi kriteria yang patuh syariah bagi menjamin rezeki yang halal dan menolak perkara yang haram sebagaimana Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبِلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلُونَ فَقَالَ تَعَالَى: «بِيَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا»، وَقَالَ تَعَالَى: «بِيَا أَيُّهَا الَّذِينَ آتُوكُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطْبِلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمْدُدُ بَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: «بِيَا رَبِّ! إِنَّا رَبِّ! وَمَطْعُمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرُبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبُسُهُ حَرَامٌ، وَغُدُرِي بِالْحَرَامِ، فَلَئِنْ يُسْتَجَابُ لَهُ؟!».

Maksud: "Sesungguhnya Allah Ta'ala Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada para nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah, 'Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh.' Dan firman-Nya, 'Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik yang telah Kami anugerahkan kepadamu. 'Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, 'Ya Rabbku, ya Rabbku'. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan?"

[Riwayat Muslim no.1015]

Pasaran saham yang berkembang melalui kerangka konvensional juga memiliki respon yang berbeza kerana wujudnya isu - isu syariah bagi pelabur Muslim seperti isu *gharar*. Para sarjana banyak menjelaskan transaksi normal yang melibatkan unsur *gharar* dalam kontrak perundangan Islam biasanya dilakukan oleh arab jahiliah (Al-Shirbīnī, ed. 2006; Rodoni, 2009; Saleem, 2000; Bakhtiar, 2011; Bakar, n.d.; Zuhaili, 2007). Sesungguhnya *gharar* dalam syariat Islam adalah suatu perbuatan yang dilarang sebagaimana hadis Nabi SAW :

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيع الحصاة وعن بيع الغرر

Terjemahan: "Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah s.a.w melarang jual beli yang berdasarkan lontaran batu (hasah) dan jual beli yang tiada kepastian (*gharar*)."

[Sahih Muslim, Bab Butlan Bay' al-Hasah wa al-Bay' Allazi fihi Gharar, Muslim no. 1513]

Oleh itu, Dr. Ibrahim Anis mentakrifkan *gharar* adalah *al-jahl* (اجهل) iaitu tidak mengetahui. Oleh itu, tidak mengetahui (*gharar*) salah satu elemen dalam pelaburan perlu dielakkan bagi memenuhi syariat Islam supaya menjamin rezeki yang halal. Perkara ini di sokong oleh Profesor Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam karangannya *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* telah menekankan bahawa *gharar* sebagai jual beli barang yang tidak diketahui dan tidak ditentukan dengan jelas sesuatu barang dagangan tersebut. Sebagai seorang pelabur Muslim haruslah mematuhi hukum yang telah diturunkan melalui nas al-Quran dan Sunah.

Oleh yang demikian, aktiviti pelaburan dalam pasaran saham berlaku berdasarkan analisis pasaran saham yang terdiri daripada dua jenis analisis, iaitu analisis fundamental dan analisis teknikal, prinsip analisis fundamental digunakan untuk mengkaji sifat-sifat dasar, karakteristik operasi sesebuah syarikat. Selain itu, Widotmodjo (2015) menyatakan analisis fundamental juga bertujuan menganalisis melalui penilaian laporan kewangan. Manakala, Analisis teknikal

pula adalah untuk menguji data sejarah akan menjangkakan harga saham sebagai pertimbangan untuk membeli atau menjual dalam pelaburan. Penggunaan analisis teknikal juga sangat memberi kesan kepada aktiviti jual beli pasaran saham Islam pada masa kini. Justeru itu kedua - dua analisis ini sangat membantu dalam pelaburan, namun pendekatan analisis teknikal juga memainkan peranan penting dalam mengkaji atau membuat keputusan sesuatu saham yang akan dibeli. Dalam dunia global sekarang transaksi saham juga menjadi lebih kompleks, oleh itu, Mohamad Sabri (2019) memberi pandangan sistem ekonomi Islam kini perlu lebih serius membuka mata masyarakat dunia terhadap kecelakaan riba serta lebih adil dan sistematik. Ia juga menyarankan masyarakat perlu meningkatkan kefahaman tentang hal-hal ekonomi kerana harta adalah salah satu wasilah dalam mencapai Maqasid Syar'iyyah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam konteks pelaburan saham, analisis akan dilakukan untuk mendapatkan pulangan dan boleh digunakan dalam segala aktiviti pelaburan sebagai suatu kajian dalam membuat sesuatu keputusan jual beli saham. Aktiviti urusniaga pelaburan saham merangkumi pelbagai analisis seperti analisis fundamental dan analisis teknikal sebagai alat untuk membuat sesuatu keputusan jual beli saham. Untuk mengetahui perubahan harga saham sama ada harga akan naik atau turun, maka diperlukan suatu analisis yang dapat menjangka pergerakan harga saham. Teori Analisis teknikal seperti “*Market action discount everything*”, “*Price move in trend*”, “*History repeat itself*” menjadi faktor utama untuk menganalisis sesuatu pergerakan harga saham seterusnya melakukan aktiviti jual beli. Permasalahan disini adalah bagi mengenal pasti penggunaan analisis teknikal sebagai instrumen utama menganalisis sesuatu saham, namun pelabur kekurangan kemahiran berkaitan strategi analisis teknikal, kerana analisis teknikal dianggap perkara yang sukar kepada setiap pelabur. Selain itu, pelaburan melalui strategi analisis teknikal yang boleh menguntungkan juga, menjadi faktor utama bahawa penggunaan analisis teknikal ini boleh mempengaruhi keputusan dan keyakinan pelabur dalam aktiviti jual beli saham. Oleh itu, sekiranya ia boleh mempengaruhi keputusan jual beli sesuatu pelaburan, maka ia akan berkait rapat dengan permasalahan “adakah penggunaan analisis teknikal ini juga boleh menjadi strategi penting untuk mengelak perkara yang tidak pasti (*gharar*) bagi memenuhi kriteria syariat Islam dalam sesuatu pelaburan saham patuh syariah”.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti penggunaan analisis teknikal ini juga menjadi keperluan utama dalam urusniaga pelaburan saham walaupun masih banyak strategi dan analisis lain yang digunakan serta analisis teknikal juga

digunakan sebagai tujuan utama menolak elemen yang tidak menepati syariat seperti ketidakjelasan (*gharar*).

SOROTAN LITERATUR

Dalam aplikasi kewangan masa kini *gharar* yang dimaksudkan adalah amalan dari sesuatu perbuatan yang menunjukkan perkara yang tidak pasti (ahmad et al 2010). Dalam Islam, urus niaga aktiviti perdagangan harus sesuai dengan syariat yang bermaksud tidak melanggar perkara yang dilarang dalam memenuhi setiap kontrak yang dilakukan memenuhi syarat yang diperlukan (Abdullah & Ramli 2011). Pembangunan yang pesat terhadap kewangan Islam telah memberi motivasi kepada pelabur Muslim dan bukan Muslim untuk membangunkan saham syariah, produk dan instrumen yang boleh didagangkan dalam pasaran (Reddy & Fu 2014). Banyak penyelidik yang menganggap syariah instrument dan indeks Islam tidak ada perbezaan dengan indeks konvensional, erti kata lain tidak memenuhi undang-undang syariah (Khan, 1997; Ghoul, 2008; Ayoub, 2013; Abozaid, 2014; Nadhirah et al., 2015). Namun berbeza dengan kajian Karim (2014) menjumpai bahawa antara Malaysia Dow Jones Islamic Index (DJIM) and FSTE Bursa Malaysia Index (KLCI) prestasi saham Islam lebih baik daripada saham konvensional.

Ketika perkembangan pesat aktiviti pelaburan, seharusnya sebagai pelabur Muslim seharusnya tahu bahawa dalam pelaburan akan berlakunya kontrak jual beli secara langsung ia akan mempengaruhi untung dan rugi dalam sesuatu pelaburan. Saranan Adi (2012) para pelabur seharusnya mempertimbangkan penggunaan alat analisis teknikal sebagai salah satu alat yang boleh dibantu dalam membuat keputusan jual beli sesuatu saham. Penggunaan analisis teknikal ini memberi kesan positif terhadap keuntungan dan dapat menghindari risiko kerugian yang akan dihadapi oleh pelabur (Valentin et al. 2013). Selain itu kajian Dian et al (2016) menyarankan pemilihan kaedah analisis teknikal juga perlu dengan kesesuaian teknik keadaan semasa bagi mendapatkan hasil signal membeli dan signal menjual yang tepat. Oleh itu, penggunaan analisis teknikal ini dalam pelaburan dapat mengelak spekulasi yang mengandungi unsur *gharar* yang dilarang dalam Islam (Iqbal dan Abas 2011)

Analisis teknikal adalah analisis yang digunakan oleh ramai pelabur tidak kira pelaburan tempoh masa singkat atau panjang bertujuan menentukan keputusan jual beli saham. Justeru, analisis ini dianggap bahawa harga sesuatu saham akan ditentukan oleh penawaran dan permintaan terhadap saham tersebut dalam pasaran (Halim 2015). Oleh yang demikian, sesuatu pelaburan pasaran saham akan bergantung kepada analisis serta strategi bagi membuat sesuatu keputusan dalam aktiviti pasaran saham (Sulastyawati 2017). Analisis teknikal juga terdapat pelbagai indikator yang boleh digunakan oleh para pelabur untuk membuat keputusan jual beli dalam pasaran saham.

Kajian Swart (2011) menyatakan penggunaan analisis fundamental lebih berprestasi berbanding analisis teknikal terhadap sempal pelaburan yang berisiko rendah. Walaubagaimanapun hasil kajian Neely (2010), Moosa & Li (2011), Wafi (2015) menyatakan penggunaan analisis teknikal menunjukkan prestasi yang lebih baik dari analisis fundamental serta keupayaan analisis teknikal dalam mengidentifikasi pola dan tren harga saham akan mempengaruhi para pelabur dalam membuat keputusan jual beli. Selain itu, Al-Khazali et al. (2016) menekankan pelaburan Islam adalah satu bentuk pelaburan yang beretika dengan mengambil kira perspektif agama dalam membuat keputusan. Petrusheva & Jordanoski (2016), Shaharudin et al. (2018) menegaskan dalam mencapai keputusan yang optimum dalam pelaburan perlu menggabungkan analisis fundamental dan teknikal analisis kerana kedua-dua analisis ini juga mempunyai kelebihan dan kekurangannya.

Oleh itu, kajian ini hanya menekankan penggunaan analisis teknikal dalam pelaburan kerana Nur Asmilia (2019) menyimpulkan bahawa psikologi atau tingkah laku seorang pelabur terkesan dengan pergerakan harga saham, jumlah dagangan dan keadaan pasaran. Menurut Ling (2016) strategi analisis teknikal menghasilkan pulangan yang abnormal dalam pasaran saham di Malaysia walaupun dalam tahap kecekapan yang masih lemah. Oleh itu, dengan menggunakan analisis teknikal sebagai strategi pelaburan, ia dapat mengurangkan risiko kerugian serta melipat gandakan keuntungan. Mohammad Omar Farooq (2014) menjumpai bahawa strategi penggunaan analisis teknikal relevan dalam pasaran Dow Jones Islamic Market US Index sama seperti indeks konvensional yang boleh memberi kesan dalam aktiviti jual beli sesuatu saham.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang mengguna pakai kaedah perpustakaan pada aspek pengumpulan data. Data yang diperoleh akan dikumpulkan serta dianalisis berdasarkan kaedah tematik bagi melihat penggunaan analisis teknikal dalam pelaburan menjadi salah satu elemen yang boleh menolak *gharar* sebagai pelaburan patuh syariah.

HASIL KAJIAN

Fiqh Muamalat telah menjelaskan *gharar* bermaksud melakukan sesuatu secara membuta tuli tanpa pengetahuan yang mencukupi, atau membawa sesuatu risiko tidak mengetahui sesuatu perkara dengan tepat apa yang akan berlaku, sesuatu yang tersembunyi, ketidakpastian atau kejahilan terhadap sesuatu (al-sarakhs ed. 1986), (kamali 2000). Selain itu, menurut Imam Ibn Taymiyyah ed 1978, *gharar* berlaku apa bila seseorang tidak tahu apa yang disimpan untuknya pada akhir aktiviti perdagangan. Sesuatu pelaburan seharusnya menggunakan analisis dalam mengenalpasti saham yang berpotensi dan berkualiti serta berkeyakinan dalam

melakukan transaksi urusniaga pelaburan. Hal ini disokong oleh (Jying et al 2018) bahawa para pelabur yang menggunakan strategi analisis teknikal yang sesuai menghasilkan nilai ekonomi yang baik secara berterusan.

Asasnya penggunaan analisis teknikal dalam urusniaga saham yang tertumpu pada pergerakan harga saham atau chart sewajarnya tidak melibatkan unsur *gharar*, malah lebih yakin dalam membeli atau menjual sesuatu saham kerana secara asasnya analisis teknikal memberi gambaran keseluruhan sesuatu saham itu akan bergerak. Hasil tinjauan kajian ini mendapati bahawa penggunaan analisis teknikal sangat relevan sebagai instrument dalam urusniaga pelaburan saham serta memberi keyakinan kepada pelabur untuk melakukan urusniaga dalam pelaburan saham. Berdasarkan tiga teori analisis teknikal dari Adam Hayes yang telah di semak oleh Thomas brock dalam lama sesawang investopedia menyatakan “analisis teknikal sebagai disiplin dagangan untuk menilai pelaburan bagi mengenalpasti peluang pelaburan berdasarkan trend harga dan corak yang dilihat pada carta”, “penganalisis teknikal percaya bahawa urusniaga masa lalu dan perubahan harga saham boleh menjadi petunjuk harga baru bagi pergerakan harga sama depan”, “analisis teknikal mungkin berbeza dengan analisis fundamental, yang memfokuskan pada kewangan syarikat dana latar belakang sesebuah syarikat dan bukanya corak sejarah harga atau trend saham”. (<https://www.investopedia.com/terms/t/technicalanalysis.asp>) Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa teori analisis teknikal yang dinyatakan menyebabkan penggunaan analisis teknikal juga membantu untuk membuat keputusan pelabur dalam urusniaga pelaburan saham serta memenuhi undang - undang syariah yang mana salah satu elemennya dapat dielakkan seperti perkara yang tidak pasti (*gharar*) ketika urusniaga saham dijalankan.

Pengkaji juga menyarankan bahawa setiap pelabur Muslim seharusnya mendapatkan keuntungan yang halal dengan meningkatkan kemahiran analisis teknikal untuk menolak unsur ketidakjelasan terhadap keputusan yang dilakukan dalam pelaburan. Selain itu, saranan kepada institusi agama yang mempunyai dana pelaburan juga perlu meletakkan pakar analisis pelaburan yang mahir dalam analisis teknikal bagi memenuhi kepatuhan syariah. Justeru, transaksi menjadi tidak halal kerana mempunyai elemen *gharar* dalam pelaburan. Sesungguhnya elemen *gharar* ini, adalah aspek yang penting perlu dielakkan dalam urusniaga pelaburan saham. Islam telah menetapkan pelaburan tidak boleh terlibat dengan kegiatan *gharar* untuk menceburi bidang saham.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis mengisyiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam artikel ini. Pengarang pertama telah melakukan penetapan objektif kajian, sorotan literatur dan penyusunan topik bagi keseluruhan artikel ini. Penulis kedua menulis metodologi kajian dan melakukan pengumpulan serta semakan data yang telah

terkumpul. Penulis ketiga menghasilkan penemuan hasil kajian yang akan mencapai objektif kajian serta menyelesaikan permasalahan dalam penulisan ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan syukur kepada semua yang terlibat bagi aktiviti permulaan asas penyelidikan Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis.

RUJUKAN

- Zamir Iqbal dan Abbas Mirakhor. (2011). *An Introduction to Islamic Finance: Theory and Practice*. Singapura: John Wiley & Sons, Inc,
- Sulastyawati. Dwi. (2017). Analisis Strategi Sosialisasi Pasar Modal dan Pengaruhnya Terhadap Keputusan Masyarakat Berinvestasi di Pasar Modal. *Ecces Journal*. Vol. 4 No. 2 (2017): 1-25.
- Moosa, I. & Li, L. (2011) Technical and fundamental trading in the Chinese stock market: Evidence based on time-series and panel data, *Emerging Markets Finance and Trade*, 47(1), 23-31.
- Neely, J.C., Rapach, E.D., Tu, J. & Zhou, G. (2010). Out-of-sample equity premium prediction: Fundamental vs. Technical analysis, Research collection Lee Kong Chain School of Business paper No. 3063, Retrieved from https://www.kevinsheppard.com/images/5/51/Neely_Rapach_Tu_Zhou.pdf.
- Petrusheva, N., Jordanoski, I. (2016). Comparative analysis between the fundamental and technical analysis of stocks. *Journal of Process Management*, 4(2), 26-31.
- Swart, D. J. (2011). *Are fundamental & technical analysis able to generate significant risk-adjusted returns on European Government Bonds?* Erasmus University Rotterdam.
- Wafi, A. S., Hassan, H., & Mabrouk, A. (2015b). Fundamental analysis models in financial markets– Review study". *Procedia Economics and Finance*, 30, 939-947.
- Wong, P.H. & Ghafar, M.A.A (2015). The impact of accounting earnings on stock return: The case of Malaysia's Plantation industry. *International Journal of Business and Management*, 10(4), 155- 165.
- Mohamad Sabri Haron. (2019). *Saham: Isu Dan Permasalahannya Dalam Konteks Malaysia*.
<https://www.scribd.com/document/424125145/DrsabriILIM-pdf>
- Al-Sarakhsī, Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahl Abu Bakr. (1986). *Al-Mabsūt*. Vol. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Al-Shirbīnī, Syamsuddīn Muhammad ibn Muhammad al-Khatīb. (2006). *Mughni al-Muhtāj ilā Ma'rifati Ma'ānī Alfāzī al-Minhāj*, Vol. 2. Cairo: Dār al-Hadīth.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2007). *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*, Vol. 5. Depok: Darul Fikr and Gema Insani.
- Yusuf al-Qaradawi, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ahmad, Taris et al. (2010). *Islamic Banking and Finance: What It Is and What It Should Be*, UK: 1st Etical Charitable Trust.
- Bakhtiar, Yusuf. (10 July 2011). Jual Beli (Sale and Purchase). Retrieved December 18, 2013. www.mlengsee.wordpress.com/2011/07/10/jual-beli/.
- Bakar, Mohd Daud. (n.d.). *Contracts in Islamic Commercial and Their Application in Modern Islamic Financial System*. Retrieved February 11, 2014. www.kantakji.com/media/5343/y116.pdf.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Dīn Ahmad. (1978). Majmu al-Fatawa, Vol. 2, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Kamali, M. H. (2000), *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options*, Islamic Texts Society, UK.
- Ayoub, S. E.-S. (2013). Market risk management in Islamic finance: An economic analysis of the rationale, permissibility, and usage of derivative hedging instruments. Retrieved from the World Wide Web: <https://www.era.lib.ed.ac.uk/handle/1842/8031>.
- Abozaid, A. (2014). Shari'ah and Maqasid analysis of financial derivatives. *Islamic Economics*, 27(3), 3-44. <https://doi.org/10.4197/Islec.27-3.1>.
- Khan, M. F. (1997). Islamic futures and their markets with special reference to their role in developing rural financial market (Research Paper No.32). Retrieved from the World Wide Web: <http://ierc.sbu.ac.ir/>.
- Karim, B. A., Datip, E., & Shukri, M. H. M. (2014). Islamic stock market versus conventional stock market. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, II(11), 1-9. Retrieved from the World Wide Web:<http://ijecm.co.uk/wp-content/uploads/2014/11/21118.pdf>
- Reddy, K., & Fu, M. (2014). Does Shariah compliant stocks perform better than the conventional stocks? A comparative study of stocks listed on the Australian stock exchange. *Asian Journal of Finance & Accounting*, 6(2), 155-170. <https://doi.org/10.5296/ajfa.v6i2.6072>.
- Ghoul, W. (2008). Risk management and Islamic finance: Never the twain shall meet? *The Journal of Investing*, 17(3), 96-104. <https://doi.org/10.3905/joi.2008.710924>.
- Imed, M & Mustapha,C. (2016). Islamic versus conventional stock market Indices synchronization.Vol. 10(11), pp. 270-278.
- Jying N. W, Hung C. L, Jiangze D. Yuan T. H (2018). Economic benefits of technical analysis in portfolio management: Evidence from global stock

- markets. *International Journal of Finance & Economics*, Vol 24, 2. 890-902. <https://doi.org/10.1002/ijfe.1697>.
- Sri U. A., Ady M. Ilya F. (2019). Overconfidence: Technical Analysis in trading investment or gambling? In. M. Ruslianor Maika (editor). *Proceedings of the 1st Conference on Islamic Finance and Technology, CIFET, 21 September, Sidoarjo, East Java, Indonesia*. Sidaorja, Indonesia.
- Bader S. Alhashel, Fahad W. Almudhaf, J. Andrew Hansz, (2018) Can technical analysis generate superior returns in securitized property markets? Evidence from East Asia markets, *Pacific-Basin Finance Journal*, Volume 47, 92-108.
- Mohammad O. F. & Md Hasib R. (2014). Dow Jones Islamic Market US Index Applying technical analysis from a comparative perspective. *International Journal of Islamic and National Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, Vol. 7 No. 4: 395-420.
- Azlin A. A & Nurul I. M. A (2017). Isu Spekulasi dan Perjudian dalam Urus Niaga Saham Secara Kontra Speculation and Gambling Issues in Contra Trading. *Islamiyyat*, 39(2) 2017: 103 - 111 (<http://dx.doi.org/10.17576/Islamiyyat-2017-3902-02>).
- Özgür İcan1 & Taha Buğra Çelik (2017) Stock Market Prediction Performance of Neural Networks: A Literature Review. *International Journal of Economics and Finance*; Vol. 9, No. 11; 2017.
- Shaharudin J., Michael T. Akmal H. Chong W. Yi (2018). Fundamental Analysis VS Technical analysis: The Comparison of Two Analysis in Malaysia Stock Market. *UNIMAS Review of Accounting and Finance*, Vol. 1 No. 1 2018.
- Nur Asmilia (2019). Technical analysis: the role of investor psychology mediating on stock investment behavior. *Economics and Accounting Journal* Vol. 2, No. 1, January 2019.
- Ling P. S. * Ruzita A. R. (2016). Efficiency of Malaysian stock market: A revisit based on analysts' recommendations. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 2, 1 – 14.
<https://www.investopedia.com/terms/t/technicalanalysis.asp>
- https://quantstrategies.academy/2020/03/18/introduction-to-quantitative-finance-part-02-technical-analysis-algorithmic-automated-and-quanttrading/?gclid=Cj0KCQiAoab_BR_CxARI_sANMx4S5tgK1W4pLkLDZs2gSOBOmkfNmDdAPYQtTpN67Eqcsxse6rzhcCMaAnufEALw_wcB
- Mohd Y. & Joni T. B. (2009). Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 3, 431-456.
- Ling, P.S. and Abdul-Rahim, R. (2017), "Market efficiency based on unconventional technical trading strategies in Malaysian stock market", *International Journal of Economics and Financial Issues*, Vol. 7 No. 3, pp. 88-96.

- Al-Khazali, O.M., Leduc, G. and Alsayed, M.S. (2016), "A market efficiency comparison of Islamic and non-Islamic stock indices", *Emerging Markets Finance and Trade*, Vol. 52 No. 7, pp. 1587-1605.
- Noor E. M. & Meina W. Y. (2020). Analisis Teknikal Menggunakan Indikator MACD dan RSI pada Saham JII. *Jurnal Riset Inspirasi Manajemen dan Kewirausahaan*, Volume 4 No. 1 Edisi Maret 2020, pp. 1-8. DOI : <https://doi.org/10.35130/jrimk>.
- Rommy P. & Sakina I. (2020) Efficiency of Technical Analysis for the Stock Trading. Pramudya and Ichsani / *International Journal of Finance & Banking Studies*, Vol 9 No 1, pp. 58-67. <https://doi.org/10.20525/ijfbs.v9i1.666>.